



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami di media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan kongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia.

07.10.2022

❖ **Pemerhatian terhadap AGM yang telah kami hadiri**

Pada minggu ini, *The Observer* akan membentangkan pemerhatian kami daripada kehadiran MSWG dalam ratusan mesyuarat setiap tahun.

Kemunculan semula mesyuarat secara bersemuka

Sejak dua tahun yang lalu, pandemik COVID-19 telah menyebabkan pelbagai penutupan di seluruh negara. Pandemik juga menyebabkan banyak syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) menjalankan mesyuarat agung mereka secara maya.

Situasi ini menyebabkan pemegang saham yang berpengalaman merindukan aura dan suasana pertemuan fizikal, daripada pemberian cenderahati kepada layanan mesra, serta keupayaan untuk menyuarakan buah fikiran mereka dengan penuh semangat kepada lembaga pengarah secara bersemuka.

Dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara untuk membendung penularan COVID-19 akhirnya ditamatkan pada 3 Januari 2022, PLC telah mula mengadakan semula mesyuarat secara fizikal selepas kerumpangan selama hampir dua tahun.

Satu daripada segelintir PLC yang mengadakan mesyuarat agung tahunan (*annual general meeting, AGM*) secara fizikal selepas PKP ialah pengusaha ternakan ayam yang beribu pejabat di Pulau Pinang. AGM syarikatnya yang diadakan pada bulan Mac 2022, menyaksikan kehadiran 18 pemegang saham dengan semua yang hadir memakai pelitup muka dan menjaga jarak fizikal mereka.

Semua pengarah syarikat hadir dalam mesyuarat itu manakala pengarah asing hadir secara maya dari Jakarta. Kehadiran pengarah asing itu ditunjukkan secara jelas kepada para pemegang saham melalui panggilan video secara langsung di sepanjang sesi.

Seterusnya baru-baru ini, sebuah pengeluar sarung tangan utama menyambung semula amalannya mengadakan AGM secara bersemuka selepas dua tahun tergendala akibat pandemik. Syarikat yang merupakan pengeluar sarung tangan nitril terbesar di dunia itu telah berada di bawah radar pelabur walaupun industri sarung tangan dilanda isu lebih kapasiti dan kejatuhan harga jualan purata. Oleh yang demikian, AGM tersebut diadakan tepat pada masanya dan cukup relevan untuk para pemegang saham dan pelabur.

AGM itu menyaksikan kehadiran kira-kira 200 peserta yang terdiri daripada pemegang saham. Antara kebimbangan utama yang disuarakan oleh pemegang saham ialah masa depan Syarikat kerana industri yang mana Syarikat beroperasi menghadapi pelbagai rintangan. Secara keseluruhan, Pengerusi Syarikat mengendalikan AGM dengan arif. Beliau menjawab kesemua soalan yang dikemukakan serta membentangkan gambaran keseluruhan yang baik tentang perjalanan Syarikat.

Selain itu, para pengarah dilihat beramah mesra dan berbual-bual bersama para pemegang saham sebelum mesyuarat dimulakan. Ini menambahkan sentuhan peribadi dan sedikit variasi kepada mesyuarat yang diadakan dalam suasana formal.

Memang aneh apabila pengerusi ponteng mesyuarat

Walaupun kebanyakan PLC dan pengarah tidak sabar-sabar lagi untuk berhubung semula dengan para pemegang saham secara fizikal selepas dua tahun, kami bertembung suatu kes pelik yang menyaksikan pengerusi syarikat tidak hadir dalam AGM selama bertahun-tahun.

Lembaga Pengarah sesebuah syarikat yang diketuai oleh pengerusi telah diberikan mandat untuk menetapkan hala tuju strategik bagi organisasi serta menyediakan pengawasan tadbir urus dalam pelbagai perkara. Ini menggambarkan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh pengerusi dalam syarikat tersenarai. Oleh itu, kehadiran Pengerusi dalam AGM adalah amat penting kerana mesyuarat biasanya dipengerusikan oleh beliau sendiri sebagai Pengerusi.

Seorang pengerusi eksekutif sebuah syarikat tersenarai yang terlibat dalam perdagangan barangan bebas cukai dan barangan bebas, telah tidak hadir dalam AGM yang diadakan sepanjang tujuh tahun yang lalu, berdasarkan petikan minit mesyuarat syarikat dan rekod dalaman kami.

Ketidakhadiran beliau yang berterusan dalam AGM membingungkan kami kerana mesyuarat agung biasanya dijadualkan lebih awal dan kesediaan pengarah untuk hadir akan dipastikan sebelum penetapan tarikh AGM. Bagaimanapun, Pengerusi tersebut merekodkan kehadiran penuh dalam mesyuarat lembaga pengarah sejak lima tahun yang lalu.

Semoga pengerusi eksekutif tersebut akan menghadiri AGM syarikat pada masa hadapan. Pemegang saham sudah lama menunggu untuk melihat beliau dalam AGM. Pemimpin lembaga pengarah memang diharapkan untuk menghadiri AGM dan ini adalah jangkauan yang munasabah.

Interaksi sewaktu mesyuarat maya

Apabila wabak COVID-19 semakin surut, AGM yang diadakan secara fizikal amat dialu-alukan oleh para pemegang saham. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, sebahagian besar pemegang saham juga memilih untuk menyertai mesyuarat secara jarak jauh.

Mesyuarat secara maya adalah lebih fleksibel dan membuka peluang penglibatan untuk semua pemegang saham tanpa mengira lokasi mereka. Sebaliknya, ramai juga pemegang saham mendapati mesyuarat maya kurang menarik minat serta kurang interaktif.

Berdasarkan pemerhatian kami, dua isu biasa yang diperhatikan dalam mesyuarat maya ialah masa yang diperuntukkan untuk sesi Soal Jawab adalah tidak mencukupi dan jawapan yang diberikan oleh Lembaga tidak memuaskan hati. Isu sebegini hampir tidak pernah dihadapi dengan AGM fizikal yang diadakan secara bersemuka.

Pada bulan September, sebuah PLC yang terlibat dalam perniagaan pembuatan toner mengumumkan waktu jeda selama lima minit sewaktu AGMnya untuk mengumpulkan soalan daripada pemegang saham. Walau bagaimanapun, lembaga pengarah PLC tersebut tidak menjawab apa-apa soalan selepas selang masa yang singkat itu. Sebaliknya, pengerusi menjelaskan bahawa mereka akan menjawab soalan melalui e-mel serta menerbitkannya di laman sesawang syarikat. Pengerusi kemudiannya menamatkan sesi Soal Jawab dan meneruskan kepada sesi pengundian.

Sebuah syarikat pemaju hartanah juga meminta waktu jeda selama dua minit untuk mengumpulkan soalan yang dibangkitkan oleh pemegang saham.

Berdasarkan pengalaman kami, jeda sewaktu perjalanan mesyuarat adalah agak "luar biasa". Umumnya, AGM dijalankan secara berterusan tanpa rehat sehinggalah mesyuarat ditangguhkan untuk sesi pengundian. Jeda mungkin memberikan gambaran bahawa Lembaga Pengarah memilih-milih soalan untuk dijawab dan bukannya menjawab kesemua soalan yang diutarakan sewaktu mesyuarat.

AGM secara fizikal dan maya mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. AGM hibrid menjadi jalan tengah antara dua pendekatan AGM ini dan menawarkan aspek terbaik daripada kedua-dua kaedah. Namun, jika pilihan AGM hibrid tidak tersedia, kami cenderung untuk memilih AGM fizikal secara bersemuka.

Oleh Pasukan Pemantauan MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 11 hingga 14 Oktober 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
------------------------	-----------------	-------------------------

<p>11.10.22 (Selasa) 02.00 petang</p>	<p>Hextar Global Berhad (EGM)</p>	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan pelupusan tanah dan hartanah (atau dikenali sebagai 'Hartanah Klang') pada harga RM27 juta kepada KIP REIT ('Cadangan Pelupusan') - Cadangan pajakan semula Hartanah Klang daripada KIP REIT untuk tempoh 15 tahun akan datang selepas selesai Cadangan Pelupusan ('Cadangan Pajakan Semula') <p>Cadangan Pelupusan dan Pajakan Semula adalah urus niaga pihak berkaitan dengan Dato' Ong Choo Meng yang mana pihak berkaitannya adalah pemegang saham utama dalam Hextar Global dan KIP REIT.</p> <p>Secara keseluruhan, harga pelupusan Hartanah Klang iaitu RM27 juta kepada KIP REIT adalah munasabah dan adil kerana harga jualan tersebut adalah selaras dengan nilai pasarannya. Selain itu, kadar kenaikan sewa sebanyak 3.08% untuk Cadangan Pajakan Semula adalah sejajar dengan julat pasaran iaitu 3% hingga 3.22%.</p> <p>Walau bagaimanapun, MSWG akan mengundi "menentang" dua resolusi ini kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hextar Global terpaksa menanggung perbelanjaan sewa berjumlah RM32.8 juta untuk tempoh 15 tahun akan datang untuk memajak semula Hartanah Klang bagi memastikan operasi perniagaan agrokimia yang sedia ada tidak terganggu. - Peningkatan yang minimum terhadap prestasi dan nisbah kewangan Kumpulan daripada urus niaga ini.
<p>12.10.22 (Rabu) 03.00 petang</p>	<p>Hextar Industries Berhad (EGM)</p>	<p>Satu-satunya resolusi yang dibentangkan dalam EGM ini ialah cadangan pengambilalihan oleh</p>

		Hextar Industries 100% kepentingan ekuiti dalam Hextar Fertilizers Limited daripada Hextar Holdings Sdn Bhd dengan harga RM480 juta yang akan dipenuhi melalui penerbitan dan peruntukan 1.6 bilion saham baharu dalam Hextar Industries pada harga RM0.30 sesaham. Pengambilalihan itu telah menimbulkan persoalan kerana harga minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i> , CPO) semakin merosot pada saat ini dan masalah yang dihadapi oleh permintaan baja.
13.10.22 (Khamis) 10.00 pagi	Kein Hing International Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang luar biasa berjumlah RM276.7 juta bagi tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM253.1 juta), mewakili pertumbuhan sebanyak RM23.6 juta atau 9%. Peningkatan pendapatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang lebih kukuh daripada pelanggan di Vietnam.</p> <p>Selaras dengan peningkatan pendapatan, Kumpulan merekodkan untung bersih berjumlah RM15.8 juta bagi tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM11.9 juta), mewakili peningkatan sebanyak RM3.9 juta atau 33%.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara penting/ Isu untuk diketengahkan
Hextar Global Berhad (EGM)	<p>Cadangan Pelupusan Dua Bidang Tanah Perindustrian Pegangan Pajak Bersebelahan bersama-sama Bangunan yang Didirikan di atasnya ('Hartanah Klang') kepada Pacific Trustees Berhad, sebagai Pemegang Amanah KIP REIT dengan harga RM27 juta dan Cadangan Pajak Semula Hartanah Klang daripada Pacific Trustees Berhad untuk 15 tahun akan datang selepas Cadangan Pelupusan dimuktamadkan.</p> <p>(Secara kolektif dirujuk sebagai "Cadangan Pelupusan dan Pajak Semula" atau "Pelaksanaan")</p> <p>Rasional bagi Cadangan Pelupusan dan Pajak Semula adalah seperti di bawah (di halaman 7 dalam Pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 23 September 2022):</p> <ul style="list-style-type: none"> - merungkai nilai pelaburannya dalam Hartanah Klang

	<ul style="list-style-type: none"> - mendapatkan wang daripada pelaburannya dalam Hartanah Klang - memperbaiki kedudukan kewangan dan prestasi kewangan Kumpulan - Cadangan Pajakan Semula itu akan membolehkan Kumpulan memastikan operasi perniagaan sedia ada (yang dikendalikan dalam Hartanah Klang) tidak terganggu <p>a) Berdasarkan proforma kesan sebelum dan selepas Pelaksanaan ke atas aset bersih (<i>net asset</i>, NA) dan penggearan Hextar, Pelaksanaan ini akan memberi kesan berikut terhadap kunci kira-kira dan pendapatan Hextar:</p> <ul style="list-style-type: none"> - meningkatkan aset bersih kepada RM216.29 juta daripada RM212.96 juta pada 31 Disember 2021 - meningkatkan aset bersih sesaham kepada RM0.17 daripada RM0.16 pada 31 Disember 2021 - menurunkan nisbah penggearan kepada 1.16 kali daripada 1.18 kali pada 31 Disember 2021 - menaikkan perolehan sesaham (<i>earnings per share</i>, EPS) kepada 3.25 sen daripada 2.99 sen pada 31 Disember 2021 - menghasilkan keuntungan proforma bersih kira-kira RM4.26 juta <p>Unjuran daripada proforma di atas mencadangkan bahawa Pelaksanaan ini memberikan kesan yang minimum kepada nisbah kewangan Hextar Global.</p> <p>Apakah keperluan mendesak Kumpulan untuk melupuskan hartanah ini?</p> <p>b) Hartanah Klang yang kini menempatkan perniagaan agrokimia, merupakan hartanah paling bernilai mengikut nilai pasaran di bawah Hextar Global (Halaman 186, Laporan Tahunan Hextar Global 2021).</p> <p>Nilai pasaran Hartanah tersebut telah meningkat daripada RM25 juta pada April 2018 kepada RM27 juta pada masa ini (halaman 158, Laporan Tahunan 2020 dan halaman 186 Laporan Tahunan 2021). Ini mewakili peningkatan sebanyak 8% dalam tempoh empat tahun tanpa mengambil kira kesan daripada wabak COVID-19 ke atas sektor hartanah.</p> <p>Oleh yang demikian, Cadangan Pelupusan bermakna Kumpulan mungkin kehilangan sebarang potensi peningkatan dalam nilai modal Hartanah Klang pada masa hadapan.</p> <p>Selain itu, Hextar Global akan menanggung perbelanjaan sewa (selepas selesai Cadangan Pelupusan) berjumlah RM32.8 juta, untuk 15 tahun akan datang untuk memajak semula Hartanah Klang bagi memastikan operasi</p>
--	--

	<p>perniagaan agrokimia yang sedia ada tidak terganggu. Di samping itu, terdapat risiko pajakan itu tidak diperbaharui apabila tamat tempoh pajakan 15 tahun.</p> <p>Berdasarkan pertimbangan di atas, mengapakah Syarikat tidak mahu mengekalkan hartanah ini di bawah namanya?</p>
<p>Kein Hing International Berhad (AGM)</p>	<p><u>Operasi Vietnam</u></p> <p>a) KHTV memulakan pembinaan sebuah kilang setingkat iaitu Kilang KHTV Fasa II dengan keluasan kira-kira 53,000 kaki persegi yang dijangka siap pada Disember 2022 (Halaman 23, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Apakah kemajuan pembinaan kilang KHTV Fasa II ini? Adakah kerja-kerja pembinaan berjalan mengikut jadual?</p> <p>b) Permintaan pelanggan yang meningkat untuk alat ganti dan komponen logam di Vietnam mewujudkan peluang besar bagi Kumpulan untuk mengembangkan perniagaan pembuatannya di Vietnam (Halaman 13, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>i. Bagaimanakah situasi semasa permintaan pelanggan untuk produk Kumpulan di Vietnam?</p> <p>ii. Berapakah kadar pertumbuhan yang disasarkan untuk jualan produk Kumpulan di Vietnam dalam dua tahun kewangan akan datang?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau

kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.